



---

**SABTU, 4 MEI 2024**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PESAWAT CESSNA 172N SKYHAWK TERHEMPAS DEKAT FELDA  
GUNUNG BESOUT, SUNGKAI, PERAK**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan sebuah pesawat Cessna 172N Skyhawk dengan pendaftaran 9M-ADA yang dikendalikan oleh Akademi Penerbangan Layang-Layang telah terhempas dekat Felda Gunung Besout, Sungkai, Perak pada 4 Mei 2024. Pesawat yang dinaiki dua orang individu telah berlepas pada 7.54 pagi dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) menerima panggilan terakhir di Slim River pada 9.35 pagi.

Tindakan susulan telah diambil oleh Pegawai Kawalan Trafik Udara bertugas setelah pesawat gagal melaporkan kedudukan selanjutnya di Bidor. Pusat Koordinasi Menyelamat Aeronautika Kuala Lumpur (KLARCC) CAAM di KLATCC diaktifkan pada pukul 10.15 pagi setelah menerima maklumat berkenaan nahas tersebut bagi tujuan koordinasi operasi mencari dan menyelamat dan kedua-dua individu berkenaan telah diselamatkan.

Siasatan lanjut akan dilaksanakan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) di bawah Kementerian Pengangkutan mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

**DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia